AFAQ LUGHAWIYYAH
© PENERBIT UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
https://journal.unisza.edu.my/afaq
e-ISSN: 2990-9007




# PENGETAHUAN PELAJAR BERKENAAN PADANAN KATA PINJAMAN ARAB DALAM BAHASA MELAYU: SATU ANALISIS

# [STUDENTS' KNOWLEDGE OF ARABIC LOANWORD EQUIVALENTS IN MALAY: AN ANALYSIS]

Saiful Radzi Roslan[1]* & Suzana Sulaiman[1]

[1]Department of Arabic Language, Faculty of Languages and Communication, Universiti Sultan Zainal Abidin, Gong Badak Campus, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

* Corresponding Author: *saifulradziroslan@gmail.com*

*Received: 3/7/2024* *Accepted: 29/7/2024* *Published: 31/8/2024*

**Abstrak**

Bahasa yang wujud di dalam dunia ini secara amnya terdiri daripada kosa kata untuk digunakan dalam percakapan penuturnya, untuk melontarkan idea dan menyampaikan maklumat. Fenomena kata pinjaman wujud bertujuan untuk memperkayakan kosa kata, serta menjamin kekuatan dan kemampuan suatu bahasa untuk terus hidup dalam perkembangan zaman. Kata pinjaman bahasa Arab di dalam bahasa Melayu sudah lama wujud, dan sudah lama diguna pakai. Oleh itu, satu kajian dijalankan untuk mencari padanan untuk kata-kata pinjaman ini di dalam bahasa Arab. Objektif kajian ini ialah menyingkap pengetahuan pelajar dalam memberi padanannya ke bahasa Arab. Kajian ini menggunakan metodologi deskriptif kualitatif. Lapan kata pinjaman akan dipilih untuk dibentangkan dan diminta daripada empat puluh orang pelajar Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia untuk memberikan padanan menurut pengetahuan mereka. Kajian ini akan mengupas aspek pendekatan pemadanan yang dipilih oleh responden, iaitu tiga bentuk pemadanan. Pendekatan tersebut ialah padanan huruf dengan huruf, padanan secara makna, dan padanan selain huruf dan makna. Dapatan juga menunjukkan kata-kata pinjaman menerima paling banyak padanan huruf secara huruf, berbanding secara makna atau selain huruf dan makna. Ini kerana majoriti responden melihat kata-kata pinjaman ini boleh dipadankan secara terus dengan kosa kata bahasa Arab berdasarkan bunyi atau huruf. Pengkaji mencadangkan di akhir perbincangan ini untuk dijalankan suatu kajian lapangan berkenaan pengetahuan masyarakat penutur Bahas Melayu berhubung dengan kosa kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu, agar dapat diperluaskan kajian dalam bidang terjemahan atau perkamusan untuk memberi panduan

padanan kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu dengan kata bahasa Arab yang lebih tepat.

**Kata kunci:** kata pinjaman, pemgetahuan pelajar, padanan kata pinjaman, kosa kata bahasa Arab, bahasa Melayu

***Abstract***

*Generally, many languages in the world consist of words and vocabulary used for communication by their speakers. They express emotions, share ideas, and deliver information. Loanwords exist to add more vocabulary to the language borrowing them, helping to ensure the language's longevity. Arabic loanwords have been present in the Malay language for decades, as they are used in everyday Malay speech. This study was conducted to research the equivalents of Arabic loanwords with Arabic vocabulary. The objective is to reveal students' knowledge in providing an equivalent Arabic word for Arabic loanwords in Malay. This study used a qualitative descriptive methodology. Eight loanwords were selected and presented to ten students from the Centre of Foundation, International Islamic University Malaysia, who are studying the Arabic language. Additionally, the study discusses the methods used by the students to provide equivalent words. These methods include letter-by-letter equivalence, meaning equivalence, and other methods not falling into the first two categories. The study found that the letter-by-letter equivalence method received more responses from the respondents, as they saw the possibility of directly exchanging Malay loanwords for Arabic vocabulary letters, rather than considering meaning or other aspects. In conclusion, the researcher suggests conducting a study with a different group of Malay speakers regarding Arabic loanwords to gain more insights into loanword equivalents.*

***Keyword**: Arabic loanwords, students knowledge, equivalent words, Arabic vocabulary, Malay language*

**Cite as**: Roslan, S. R., & Sulaiman, S. (2024). Pengetahuan pelajar berkenaan padanan kata pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu: Satu analisis [Students' knowledge of Arabic loanword equivalents in Malay: An analysis]. *Afaq Lughawiyyah, 2*(2), 365–376. https://doi.org/10.37231/afaq.2024.2.2.115

© Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2026. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/).

## PENDAHULUAN

Bahasa yang wujud di dalam dunia ini secara amnya terdiri daripada kosa kata untuk digunakan dalam percakapan penuturnya, untuk meluahkan rasa, melontarkan idea dan menyampaikan maklumat. Fenomena kata pinjaman wujud bertujuan untuk memperkayakan dan menambahkan kosa kata, serta menjamin kekuatan dan kemampuan suatu bahasa untuk terus hidup dalam perkembangan zaman. Kosa kata pinjaman bahasa Arab yang diambil masuk ke dalam bahasa Melayu sudah lama wujud dan diguna pakai oleh penutur jati bahasa Melayu. Ia telah menjadi sebahagian daripada bahasa Melayu sejak kehadiran pedagang Arab yang datang berdagang ke tanah Melayu. Perkara ini telah disebut dan disahkan oleh ramai pakar dan pengkaji mengatakan bahawa kosa kata bahasa Melayu terdiri daripada pelbagai bahasa, termasuklah kata pinjaman daripada bahasa Arab. (Chik, 2008).

Kata pinjaman merupakan satu fenomena bahasa yang tidak dapat dielakkan, kerana ia berlaku di dalam mana-mana bahasa dunia, antaranya termasuklah bahasa Arab dan juga bahasa Melayu. Dalam perbahasan ulama bahasa Arab, fenomena kata pinjaman ini dinamakan sebagai "*al-mu'arrab*" dan "*ad-dakhil*", yang dimaksudkan dengan kosa kata yang dibawa masuk ke dalam bahasa Arab. bahasa Melayu juga mengalami proses peminjaman kosa kata daripada pelbagai bahasa yang lain, termasuklah daripada bahasa Arab. Antara pendorong berlakunya peminjaman kosa kata daripada bahasa Arab ini termasuklah kedatangan Islam ke rantau ini, transaksi perdagangan di antara pelbagai bangsa dengan bangsa Arab, keperluan kepada perkataan baru dan sebagainya.

Kata pinjaman dalam bahasa Melayu juga sudah terjadi sejak sekian lama. Menurut Kamus Dewan, kata pinjaman merupakan kosa kata-kosa kata yang yang diambil daripada bahasa asing. Awang Sariyan menyatakan bahawa kata pinjaman ini merupakan satu proses pemindahan istilah baru, pentakrifan ilmu, pemikiran dan kebudayaan. Manakala Anida Sarudin menyebut fenomena ini sebagai "kata serapan" , dan mendefinisikannya sebagai proses memasukkan unsur fonologi, tatabahasa atau leksikal bahasa atau dialek daripada bahasa atau dialek yang lain juga, yang mana hal ini berlaku disebabkan perhubungan atau peniruan.

Antara permasalahan kajian ini wujudnya perubahan makna atau semantik pada kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu. Perubahan ini berlaku kepada kata pinjaman yang dibawa masuk ke dalam bahasa Melayu, dan diguna pakai oleh penutur bahasa Melayu, menyebabkan berlakunya perluasan, penyempitan, atau anjakan makna. Antara faktor perubahan semantik bagi kata-kata pinjaman ini ialah perbezaan bentuk morfologi, atau binaan sesebuah kata. Kata pinjaman ini mengalami perubahan morfologi apabila diterima masuk ke dalam bahasa Melayu. Contoh yang boleh dilihat antaranya termasuklah perkataan "kuat", yang berasal daripada Bahasa Arab. Kata ini mempunyai pelbagai bentuk morfologinya dalam bahasa Arab iaitu kata masdar, namun berubah bentuk morfologinya dalam bahasa Melayu iaitu kata sifat. Begitu juga, berlakunya perubahan semantik kata pinjaman disebabkan perbezaan fonologi atau bunyi. Ini kerana terdapat kata pinjaman yang berasal daripada bahasa Arab, berubah secara fonologis di dalam bahasa Melayu, seperti huruf, ʿain ع, qāf ق dan sebagainya. Antara contoh perkataan yang berubah bunyinya dari ialah perkataan ʿain, yang mana pada asalnya ditulis dengan huruf ع-ي-ن, menjadi "عين", bermaksud mata. Walau bagaimanapun, apabila dibawa masuk ke dalam bahasa Melayu, ia menjadi sebutan ain, terutamanya apabila ditulis dengan ejaan rumi bahasa Melayu, yang tiada padanan tepat untuk huruf ع. Begitu juga kata pinjaman "kalbu", bermaksud hati, pada asalnya "قلب" dengan huruf qāf di huruf hadapan.

Walaupun sudah dinyatakan di dalam pelbagai kajian lepas bahawa pelbagai aspek perubahan makna kata pinjaman, terdapat banyak kajian dan artikel berkenaan kata pinjaman Arab Melayu, namun pengkaji belum lagi menemui kajian yang

mengkhususkan padanan bagi kata pinjaman tersebut. Padanan ini bermaksud pemilihan atau peletakan kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu yang sepadan atau sesuai dengan kata bahasa Arab.

Objektif kajian ini dijalankan ialah menyingkap pengetahuan pelajar untuk memadankan kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu dengan kosa kata bahasa Arab, dan melihat hasil pemadanan kata pinjaman tersebut dikelaskan mengikut hasil pemadanan pelajar tersebut. Memandangkan kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu masih kekal dan wujud dalam bahasa Melayu sehingga kini, pengkaji ingin mencari padanan kata pinjaman tersebut dengan kosa kata bahasa Arab yang asli. Oleh itu, pengkaji ingin menjalankan satu kajian yang berkaitan dengan pemadanan kata pinjaman Arab yang mana, ia kini sudah menjadi kosa kata bahasa Melayu, dengan bahasa Arab asal.

## KAJIAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian lepas yang mengetengahkan kajian kata pinjaman atau kata serapan Arab dalam bahasa Melayu. Namun, perbincangan berkenaan pemadanan kosa kata pinjaman Arab dengan kosa kata Arab kurang dibincangkan. Antara kajian-kajian lepas yang mengetengahkan perbincangan kata pinjaman kajian Amizul (2010) yang bertajuk "Entri Agama Berlabel "Ar" Dalam Kamus Dewan : Satu Analisis Semantik". Kajian ini memfokuskan kepada analisis terhadap semua kosa kata yang berlabel "Ar" di dalam Kamus Dewan yang memberi maksud "berasal dari bahasa Arab". Wan Saophy membuat kajian ke atas semua kosa kata berlabel "Ar" ini daripada aspek makna, atau disebut sebagai 'semantik', lalu hasil kajian yang diperolehi, beliau mengkelaskannya daripada beberapa aspek makna kosa kata tersebut, iaitu : entri bermakna tepat, entri bermakna hampir tepat, dan entri bermakna tidak tepat. Pengkelasan ketepatan ini dimaksudkan dengan ketepatan makna dan maksud entri kata pinjaman Arab di dalam kamus Dewan Bahasa dengan makna bahasa Arab. Dapatan Amizul menyimpulkan bahawa terdapat 311 entri dinilai tepat maknanya, 82 entri dinilai hampir tepat, dan 47 patah entri tidak menepati makna bahasa Arab.

Zaidan et al. (2018) menjalankan satu kajian berkenaan pembentukan kata pinjaman Arab berdasarkan pembentukan bahasa Melayu. Data kajian diambil daripada beberapa sumber, antaranya termasuklah buku teks dari tahun 1, 2, 3 dan beberapa tahun pengajian lagi di sekolah rendah. Noor Azlina menjalankan kajian pengecaman bentuk kata pinjaman Arab menurut pembentukan kosa kata bahasa Melayu yang sedia ada. Antara dapatan yang diperolehi ialah kategori suku kata bagi kata pinjaman yang pelbagai. Antaranya termasuklah seperti kata pinjaman yang satu suku kata, contohnya "sah, bin, khat, saf" dan "had", kata pinjaman dua suku kata,

seperti “huruf, solat, yakin” dan “kubur” dan banyak lagi. Ia merupakan sebuah kajian yang mendalam, yang boleh dimanfaatkan untuk pelbagai kajian lanjutan.

Musfiroh (2004) menjalankan satu kajian perbezaan di antara makna kata-kata serapan dari bahasa Arab dalam bahasa Indonesia dengan bahasa sumbernya, iaitu bahasa Arab itu sendiri. Selain daripada membincangkan bentuk-bentuk perubahan makna kata serapan dalam bahasa Indonesia, Tadkiroatun juga membincangkan pola perubahan makna tersebut. Terdapat lima pola yang diketengahkan, iaitu pola spesifikasi atau dikenali sebagai hoponimi, pola pemilihan homonim, pola pembentukan konsep baru, efek makna dan perbezaan makna. Kajian ini memberi gambaran yang lebih dekat dengan apa yang berlaku dalam perubahan makna yang ada di dalam bahasa Indonesia, terutamanya yang melibatkan kosa kata pinjaman daripada bahasa Arab. Kajian ini walaupun menjurus kepada bahasa Indonesia, namun ia juga memberi gambaran yang hampir dengan kata pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu.

Yusoff (2006) juga membuat kajian yang hampir sama, tetapi lebih menjurus dan khusus untuk kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Melayu. Antara kata pinjaman yang dikaji oleh Alwee antaranya termasuklah: alim, kalam, kari,mubaligh, nikmat, pasah, petua, rujuk, saham dan wadiah. Tujuan kajian ini dijalankan untuk membuktikan benar-benar berlakunya perubahan dari aspek semantik pada perkataan Arab dalam bahasa Melayu. Setiap perkataan yang dinyatakan di atas dianalisis dan dibincang oleh Yusoff dari aspek makna yang diguna pakai dalam bahasa Melayu, juga dalam bahasa Arab, lalu menyatakan juga perincian berkenaan sebab-sebab atau beberapa asal-usul penggunaan suatu perkataan yang dipilih. Bahkan ada juga penerangan kata dasar bagi sesuatu perkataan.

Chik (2008) membahaskan kata pinjaman dari aspek fonetik, di mana beliau membincangkan berlakunya perubahan bunyi pada kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu. Selain menyatakan pemadanan simbol-simbol atau huruf-huruf di antara bahasa Melayu dan bahasa Arab, beliau mengupas dan membentangkan fenomena atau bentuk perubahan bunyi dan tulisan huruf bagi kata-kata pinjaman yang sudah ada di dalam bahasa Melayu, seperti perubahan konsonan dan perubahan ta’ marbũtah. Di samping itu juga, Abdul Rahman mengetengahkan aspek perubahan vokal yang dilakukan oleh bahasa Melayu terhadap bahasa Arab, seperti perkataan الراحة sebagai rehat, سَلامة sebagai selamat, dan pelbagai lagi perkataan yang dibentangkan.

Sapar et al. (2013) pula mengupas isu kata pinjaman dari aspek penguasaan pelajar sekolah berasaskan pengetahuan sedia ada. Oleh itu, kajian ini dilakukan di sebuah sekolah untuk menyingkap sejauh mana pengetahuan pelajar sekolah tersebut dengan kata pinjaman bahasa Arab yang ada di dalam bahasa Melayu. Beliau menjalankan kajian tersebut dengan mengedarkan soal selidik, mengkaji beberapa

aspek pengecaman kata pinjaman, antaranya pengecaman melalui senarai kata dan petikan. Hasil kajian mendapati tahap penguasaan kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Melayu adalah tinggi, disebabkan beberapa faktor antaranya, pelajar merupakan golongan yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua, yang membolehkan mereka mengecam kata pinjaman dengan mudah. Berdasarkan daripada kajian ini, pengkaji melihat satu keperluan lain untuk menyingkap kemampuan pelajar yang bukan penutur jati untuk mengenal pasti kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu, beserta padanannya dalam bahasa Arab.

Kajian Ali et al. (2023) pula memfokuskan kepada kajian terhadap kata pinjaman Arab dalam bahasa Indo-European. Di dalam kajian ini, terdapat pernyataan sejarah bagaimana terjadinya kata pinjaman Arab dalam bahasa ini. Kajian ini juga mengumpulkan kata-kata Arab yang dipinjam dan sudah terserap masuk ke dalam bahasa Indo-European ini, kemudian mengkelaskan kesemua kosa kata tadi kepada beberapa kategori bidang. Antara kategori yang disebutkan di dalam kajian ini termasuklah kosa kata bidang perairan dan hisab (matematik), kosa kata tempat, kosa kata alatan minuman dan jenis-jenis minuman, kosa kata permainan, unit ukuran dan lain-lain lagi. Terdapat sebelas kategori kosa kata pinjaman kesemuanya yang dikelaskan oleh Ali et al. (2023) di dalam kajian mereka. Kajian ini merupakan kajian yang menarik, yang memberikan gambaran penggunaan kata pinjaman Arab di dalam bahasa Indo-European dari pelbagai aspek dan bidang. Menariknya, kajian ini juga menyertakan bersama sumber-sumber kewujudan kata pinjaman seperti daripada kamus bahasa lain.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan gabungan antara kajian lapangan dan kepustakaan. Kajian lapangan dijalankan berkaitan pengetahuan kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Melayu, dan padanannya dalam bahasa Arab di dalam kalangan pelajar penutur bahasa Melayu yang sedang mempelajari bahasa Arab. Seramai 40 orang pelajar di Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Mereka ini merupakan pelajar daripada dua kelompok pembelajaran bahasa Arab yang berbeza, yang dikenali sebagai aliran bahasa Arab dan aliran bahasa Inggeris. Aliran ini merupakan pembahagian pelajar Pusat Asasi yang perlu mengambil subjek bahasa Arab, berdasarkan program pengajian yang mereka ambil di Pusat Asasi UIAM ini. Padanan kata Arab pula memerlukan penjelasan makna, ketepatan atau kesesuaian kata pinjaman dengan kata padanannya dalam bahasa Arab, maka ia perlu dirujuk kepada kamus-kamus yang muktabar.

Kajian ini juga merupakan kajian deskriptif kualitatif, yang pada akhir kajian ini, pengkaji akan membentangkan padanan kosa kata pinjaman Arab dengan bahasa Arab menurut apa yang diutarakan oleh pelajar-pelajar. Ini bermakna, kajian ini

bukanlah kajian untuk mengupas aspek kuantitatif, peratusan dan sebagainya, bahkan ia lebih cenderung kepada kajian berkenaan kata pinjaman itu sendiri. Untuk mendapatkan padanan kata pinjaman yang diketengahkan oleh pelajar, pengkaji menggunakan kaedah soal selidik yang diagihkan kepada mereka. 30 patah kata pinjaman Arab dipilih daripada kajian Abdul Rahman Chik sebagai rujukan, kerana kata-kata pinjaman tersebut sudah disahkan sebagai kata pinjaman yang diambil daripada bahasa Arab, tetapi hanya 8 sahaja akan dibentangkan di sini.

Sebanyak lapan patah kata pinjaman yang akan dibincangkan dan dikupas di dalam kajian ini. Antara perkara yang akan dikupas ialah padanan kosa kata Arab bagi setiap kata pinjaman yang diketengahkan oleh responden, bersama bentuk pemadanannya. Selain itu, akan dibincangkan juga setiap kata pinjaman bersama bilangan maklum balas yang diperolehi oleh setiap padanan kata dalam bahasa Arab.

## DEMOGRAFI RESPONDEN

Sepertimana yang sudah disebutkan sebelum ini, pengkaji hanya memilih 10 orang responden daripada kalangan pelajar-pelajar yang mengambil subjek bahasa Arab, Kesepuluh pelajar ini dari dua kelompok pengajian berbeza, iaitu kelompok bahasa Arab, dan kelompok bahasa Inggeris. Pembezaan kelompok ini bertujuan untuk menentukan peringkat dan tahap yang layak bagi pelajar-pelajar di Pusat Asasi UIAM ini untuk mengambil subjek bahasa Arab:

Jadual 1: Demografi Responden

| | **Semester Pengajian** | **Bidang Pengajian** | **Bilangan Pelajar** |
|---|---|---|---|
| Kelompok bahasa Arab | 1 | Ilmu Wahyu dan (IRK) | 20 |
| Kelompok bahasa Inggeris | 2 | Ekonomi (ECONS) | 20 |
| | | | 40 |

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pengkaji memilih 8 patah perkataan untuk dibentangkan dan diperbincangkan di dalam artikel ini. Secara dasarnya, kajian ini ingin mengetahui kemampuan pelajar dalam pemadanan kata pinjaman Arab dengan kosa kata bahasa Arab. Pemilihan kata pinjaman dilakukan menerusi rujukan kepada beberapa kajian lepas, dan telah diputuskan untuk memilih daripada senarai kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu daripada kajian Abdul Rahman Chik, seperti mana yang sudah dijelaskan sebelum ini. Kata-kata pinjaman yang terpilih adalah seperti berikut:

Jadual 2: Senarai Kata Pinjaman Yang dianalisis

| | |
|---|---|
| Adab | Bahas |
| Adat | Bakhil |
| Adil | Baki |
| Ahli | Batal |

**TABURAN KATA PINJAMAN ARAB DENGAN KOSA KATA BAHASA ARAB.**

Responden-responden dikehendaki menjawab soal selidik yang diedarkan kepada mereka, dan memberikan padanan kata pinjaman dengan apa-apa kosa kata bahasa Arab yang mereka tahu, atau yang dirasakan sesuai pada pandangan dan pengetahuan mereka.

Daripada taburan pemadanan kata yang diketengahkan oleh para responden, dapat disimpulkan bahawa majoriti responden yang merupakan kalangan pelajar yang mengambil mata pelajaran bahasa Arab cenderung untuk memilih padanan secara huruf berbanding secara aspek makna. Ini kerana padanan seperti ini adalah secara langsung, tanpa mengira apa jua aspek lain, seperti makna, konteks dan sebagainya. Di bawah ini jadual yang memaparkan carta bagi setiap kata pinjaman yang mendapat maklum balas tertinggi hingga terendah daripada responden-responden.

Jadual 3: Taburan Kata Pinjaman dan Padanan Kata Arab.

| **Kata Pinjaman** | **Padanan Kosa kata bahasa Arab** | **Bilangan Maklum balas** | **Kategori Pemadanan** |
|---|---|---|---|
| adab | أدب، ادب، ادبٌ، الادب، | 18 | Padanan Huruf Dengan Huruf |
| | آداب، اداب، الاداب | 6 | Padanan Huruf Dengan Huruf |
| | أخلاق | 4 | Padanan Secara Makna |
| | آدب | 2 | Padanan Huruf Dengan Huruf |
| | عدب، عداب | 3 | Padanan Huruf Dengan Huruf |
| | كياسة | 2 | Padanan Selain Huruf dan Makna |
| adat | عادة | 11 | Padanan Huruf Dengan Huruf |
| | عدة | 9 | Padanan Huruf Dengan Huruf |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | أداتٌ، أداة | 6 | Padanan Huruf Dengan Huruf |
| | جمارك | 4 | Padanan selain huruf atau makna |
| | أدة | 2 | Padanan Huruf Dengan Huruf |
| | عرف | 1 | Padanan Secara Makna |
| | عاد | 1 | Padanan Huruf Dengan Huruf |
| adil | عدل، العدل، ادل | 21 | Padanan Huruf Dengan Huruf |
| | عادل، العادلة | 14 | Padanan Huruf Dengan Huruf |
| | عديل | 2 | Padanan Huruf Dengan Huruf |
| | عاديل، العاديل | 2 | Padanan Huruf Dengan Huruf |
| ahli | أهل، احل | 25 | Padanan Huruf Dengan Huruf |
| | أهلي، الأهلي، الأهلية، اخلي | 5 | Padanan Secara Makna |
| | عضو، أعضاء | 7 | Padanan Secara Makna |
| bahas | البحث | 22 | Padanan Huruf Dengan Huruf |
| | الخطابة | 11 | Padanan Secara Makna |
| | الكلام | 6 | Padanan Secara Makna |
| bakhil | بَخِيلٌ | 36 | Padanan Huruf Dengan Huruf |
| | البخل | 3 | Padanan Secara Makna |
| baki | الباقي | 27 | Padanan Huruf Dengan Huruf |
| | بقي | 10 | Padanan Huruf Dengan Huruf |
| | تبقى | 2 | Padanan Secara Makna |
| batal | باطل | 18 | Padanan Huruf Dengan Huruf |
| | بطل | 16 | Padanan Secara Makna |
| | يبطل | 14 | Padanan Huruf Dengan Huruf |

Berdasarkan jadual di atas, kita dapati setiap kata pinjaman dalam bahasa Melayu mendapat tempat dalam pemadanan, tetapi mempunyai perbezaan daripada aspek bilangan dan kekerapan maklum balas. Daripada jadual ini juga, kita dapati pemadanan huruf dengan huruf merupakan padanan yang paling banyak mendapat maklum balas dari para responden.

Jika diteliti pada setiap kata pinjaman, kita oleh melihat kecenderungan responden yang sangat ketara untuk memadankan kata-kata tersebut dengan kosa kata bahasa Arab secara huruf dengan huruf, tanpa berpaling lagi ke arah aspek lain. Sebagai contoh, kata pinjaman "adab" sahaja mampu mencapai maklum balas yang

begitu banyak, dengan pelbagai bentuk ejaan, namun membawa maksud dan kehendak yang sama. Antara contoh padanan yang diberikan termasuklah "ادب، أدب، ادب؛ الادب، آداب، آداب، الآداب", dan termasuklah juga padanan dengan ejaan yang sebenarnya tidak tepat, seperti "عدب، عداب" namun pokok pangkalnya, responden menggunakan pendekatan memadankan kata pinjaman dengan kosa kata Arab berdasarkan huruf. Antara yang huruf yang dilihat oleh responden termasuklah seperti memadankan huruf "a" dengan "ا", "d" dengan "د", dan "b" dengan "ب. Begitu juga kata pinjaman "adat", dengan padanannya "أدات، عدة، عادة" dan sebagainya yang mendapat maklum balas yang begitu besar. Hal ini berlaku kerana jika dilihat secara lebih terperinci, ada di kalangan para responden mempunyai latar belakang bahasa Arab. Dengan kata lain, responden ini sudah mempunyai maklumat terdahulu berkaitan bahasa Arab, ditambah pula dengan pengetahuannya secara am kewujudan kosa kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu. Ia menjadi pegangan para pelajar daripada kalangan responden bahawa apa sahaja kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu, boleh dipadankan dengan kata Arab yang asal dengan sebutan yang asal. ada juga padanan secara huruf, namun tidak menepati konteks ayat seperti kata "bahas" di dalam konteks yang sudah diletakkan oleh pengkaji, namun kebanyakan responden memberikan padanan "البحث" kepada kata pinjaman ini. Pemadanan yang hanya melihat kepada huruf sahaja, mungkin akan menyebabkan kepincangan makna pada konteks ayat, kesamaran, atau kekeliruan. Ada sesetengah kata pinjaman jika dipadankan secara huruf, akan memberikan makna yang jauh berbeza seperti kata pinjaman "bahas", yang membawa erti perbincangan, perbahasan, kupasan yang terperinci, atau pengucapan awam. Sedangkan di dalam bahasa Arab, kata ini membawa maksud umum iaitu "mencari". Kata pinjaman yang diguna pakai di dalam bahasa Melayu tidak lagi membawa makna dan konteks bahasa Melayu apabila ia dipadankan dengan kata Arab yang asal. di sinilah adanya keperluan untuk melihat aspek lain dalam proses pemadanan.

Dari sudut lain pula, kita dapati ada juga kalangan responden yang memberikan padanan secara makna kepada kata-kata pinjaman yang diketengahkan pengkaji. Namun, kata-kata pinjaman ini tidak mendapat bilangan maklum balas yang besar. Kita dapat lihat hal ini pada contoh padanan "أخلاق" untuk padanan "adab", yang hanya mendapat 4 maklum balas. Padanan ini berkemungkinan diberi oleh responden yang lebih cemerlang dalam pelajaran bahasa Arab, di samping mempunyai latar belakang pembelajaran bahasa Arab sebelum ini. Hal ini juga berpunca daripada tidak semua responden mampu memberikan padanan secara makna, seperti yang dapat dilihat pada kata pinjaman "ahli", kebanyakan responden memberi 25 padanan secara huruf "احل، أهل", dan 5 maklum balas "الأهلية، أهلي" sebagai contohnya, tetapi hanya 7 responden sahaja memberi padanan "أعضاء، عضو". Kata pinjaman "bakhil" pula, jika kita melihat kepada maklum balas responden, kita mungkin merasakan kedua-dua padanan "بخيل" dan "البخل" itu seolah-olah padanan

secara huruf, namun pada pandangan pengkaji, ia membawa dua bentuk morfologi yang berbeza, lalu ia membawa kepada makna yang berbeza. Apapun, kecenderungan untuk memilih padanan secara huruf masih terserlah bagi kata pinjaman "bakhil" ini.

Pengkaji meletakkan beberapa kata padanan yang hampir-hampir di dalam satu kumpulan, seperti "أهل، احل", "أهلي، الأهلية" , begitu juga padanan "عادل، العادلة", "عاديل، العاديل". Ini kerana pada pandangan pengkaji, ia merupakan padanan yang berdiri dengan konsep padanan huruf yang sama, atau hampir sama. Yang berbeza hanyalah sedikit sahaja, seperti ada alif lam at-Taʿrif "ال", ta> al-marbutah, perbezaan ha "ه" dengan ha "ح" dan sebagainya. Antara faktor perbezaan ini ialah berkemungkinan daripada perbezaan tahap penguasaan bahasa Arab, terutama dalam kemahiran penulisan. Pada hemat pengkaji, berkemungkinan para responden memilih suatu huruf berdasarkan bunyinya yang paling dekat dalam fikiran mereka. Oleh itu, kita dapati 1 kata pinjaman, mendapat pelbagai variasi ejaan, sedangkan ianya adalah padanan kata yang sama atau hampir sama.

Terdapat beberapa padanan selain huruf dan makna, seperti padanan "كياسة" untuk kata pinjaman "adab". Dalam pemerhatian pengkaji, responden beranggapan dia memberikan padanan secara makna. Namun dari aspek proses pemadanan, kata "كياسة" ini sebenarnya membawa maksud "kebijaksanaan", dan jauh daripada konteks kata "adab" dalam bahasa Melayu. Begitu juga kata pinjaman "adat" mendapat maklum balas padanan "جمارك", namun maknanya sudah terpesong. "جمارك" al-Jamarik sebenarnya membawa maksud kastam, menjadikan ia tidak mengandungi makna dan konteks yang sebenar bagi kata pinjaman adat.

## KESIMPULAN

Hasil daripada kajian pemadanan kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu ini, dapat dikatakan bahawa padanan secara huruf dengan huruf merupakan pendekatan yang paling utama atau popular di kalangan responden ini. Antara sebab utama yang boleh dikaitkan dengan fenomena ini ialah mereka merupakan pelajar yang masih dalam tahap awal pembelajaran bahasa Arab. Jika diteliti setiap responden, hanya beberapa orang sahaja yang cenderung untuk memberikan kata pinjaman dengan satu padanan dari segi makna, seperti memberi padanan untuk kata pinjaman "bahas" dengan kata Arab "الخطابة", dan memadankan kata عضو untuk kata pinjaman ahli. Ia juga dapat dibuktikan melalui penerangan bilangan maklum balas yang diperolehi setiap kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu. Pemadanan kata secara huruf dengan huruf menjadi pilihan utama, namun para responden tidak mengambil kira terlebih dahulu aspek makna dan kesesuaian konteks. Ini kerana, ada juga kata pinjaman Arab yang digunakan di dalam bahasa Melayu, sekiranya dialih dan dipadankan dengan ejaan atau sebutan huruf yang sama, akan menjadikan maknanya bercanggah, seperti بَطَّل, untuk padanan kata pinjaman "batal". Kedua-dua kosa kata

ini, membawa erti yang berbeza meskipun sebutan dan padanan hurufnya hampir dan sama.

Pengkaji mengharapkan pada masa akan datang, suatu kajian perlu dijalankan untuk menyingkap lagi pandangan penutur bahasa Melayu berhubung kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu ini daripada kalangan masyarakat yang berlainan latar belakang. Diharapkan juga satu kajian terperinci dijalankan dalam bidang penterjemahan atau perkamusan dijalankan untuk memberikan satu panduan kepada pelajar bahasa Arab khususnya, untuk mendapatkan padanan atau terjemahan kata pinjaman yang lebih tepat dalam bahasa Arab.

**CONFLICTS OF INTEREST:** The authors declare that they have no conflicts of interest.

**ETHICS STATEMENT:** This study was conducted in accordance with ethical principles and academic integrity. All procedures were carried out responsibly, with informed consent obtained from participants and strict confidentiality maintained.

## RUJUKAN

Ali, A. S., Ghani, S., & As-Saedi, M. D. (2023). Linguistic borrowing in the semantic meanings of Arabic vocabularies in Indo-European. *Afaq Lughawiyah, 1*(2), 1–20.

Amizul, W. M. S. (2010). *Entri agama berlabel "Ar" dalam Kamus Dewan: Satu analisis semantik*. Universiti Malaya.

Chik, A. R. (2008). al-Alfāẓ al-ʿArabiyyah al-muqtaraḍah fī al-lughah al-Malayūwiyyah: Dirāsah taḥlīliyyah. *Majallah Kulliyyah al-Ādāb: Ṭanṭā*, 1191–1220.

Musfiroh, T. (2004). Perbedaan makna kata-kata bahasa Indonesia serapan bahasa Arab dari makna sumbernya. *Diksi, 11*, 38–56.

Sapar, A. A., Salim, N. R., Hj. Salim, A. F., & Pa, M. T. (2013). Penguasaan pelajar sekolah menengah terhadap kata pinjaman bahasa Arab berasaskan pengetahuan sedia ada. *The Online Journal of Islamic Education, 1*(1).

Yusoff, M. A. (2006). Perkataan Arab dalam bahasa Melayu: Satu tinjauan dari aspek semantik. *Jurnal Usuluddin, 23–24*, 239–254.

Zaidan, N. A., Abdul Rahman, M. Z., & Zailani, M. A. (2018). Analisis kata serapan bahasa Arab berdasarkan pembentukan kata bahasa Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu, 29*, 78–101.